

Pelaksanaan tetap kekal walaupun dibantah perokok tegar

→ Jabatan Peguam Negara, pakar perundangan bantu pertahanan penguatkuasaan

BH-10/11 18 CM(3 3)

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Kerajaan tidak akan berganjak dengan pelaksanaan larangan merokok di premis makanan walaupun mendapat bantahan daripada perokok tegar. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menegaskan penguatkuasaan larangan itu dilaksanakan dengan lebih baik selepas ini.

“Sudah pasti kita tidak akan berganjak dengan larangan ini. Kita akan mendepani tentangan ini dan

kita juga tahu ada semakan kehakiman berhubung perkara ini.

“Tetapi kita juga ada pihak (Jabatan) Peguam Negara dan pakar perundangan untuk membantu Kementerian dalam mempertahankan serta menjamin kita untuk tidak berganjak daripada ini,” katanya pada sidang media khas di sini semalam.

Dr Dzulkefly berkata, sejak penguatkuasaan larangan itu lebih seminggu lalu, kerajaan sudah memperoleh sokongan serta dukungan sangat baik daripada semua pihak meskipun wujud tentangan daripada perokok.

“Kementerian yakin langkah ini akan membawa impak positif ke arah usaha menangani penularan penyakit tidak berjangkit (NCD),” katanya.

Sejak 1 Januari hingga kelmarin, sebanyak 30,548 premis sudah dilawati penguat kuasa, manakala sejumlah 13,724 amaran dikeluarkan.

Bilangan risalah yang diedar pula sebanyak 76,274 dan 75,280 orang didekati dalam usaha memberikan pendidikan berkaitan soal rokok.

Sedia tempat khas merokok
Ditanya sama ada Kementerian



Sejak penguatkuasaan larangan itu lebih seminggu lalu, kerajaan sudah memperoleh sokongan serta dukungan sangat baik daripada semua pihak meskipun wujud tentangan daripada perokok”

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

akan mempertimbangkan cadangan membenarkan individu merokok di premis makanan selepas jam 10 malam, Dr Dzulkefly berkata, ia tidak akan dipertimbangkan kerana satu tindakan ke belakang.

Mengenai cadangan pengusaha restoran menyediakan tempat khas merokok, beliau berkata ia bergantung kepada kreativiti pengusaha premis masing-masing selagi tempat itu dibuat terletak tiga meter dari premis mereka.

Mengulas cadangan mengurangkan kandungan nikotin rokok, beliau berkata, usaha menangani ketagihan rokok adalah sesuatu yang baik tetapi Kementerian belum

mempunyai sebarang keputusan berhubung perkara itu.

Dr Dzulkefly juga berkata, kerajaan Sabah bersedia untuk melaksanakan larangan merokok di premis makanan.

“Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan dengan pihak kerajaan Sabah semalam (kelmarin) dan negeri itu sudah bersetuju dan pelaksanaan itu kita diserahkan kepada mereka,” katanya.

Sebelum ini, Sabah menggunakan haknya berasaskan ordinan kerajaan tempatan negeri untuk menangguhkan pelaksanaan larangan merokok di 23 tempat yang diwartakan.



Keratan BH bertarikh 2 Januari lalu.